

MB alu-alukan kenyataan PM

UM 20 DEC 1999 10

* KUALA TERENGGANU 19 Dis. — Menteri Besar Abdul Hadi Awang mengalu-alukan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berhubung kerjasama antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan Terengganu.

Beliau berkata, kerjasama sememangnya berbentuk dua hala dan kerajaan Pas Terengganu sudah pasti bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat.

"Banyak perkara yang perlu dilakukan bersama-sama antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri kerana banyak pelaksanaan yang memerlukan persetujuan kedua-dua pihak," katanya.

Antara bentuk kerjasama yang akan dibincangkan termasuklah membantulas penyelewengan demi kesejahteraan rakyat.

"Ini adalah perkara penting bagi menjamin keharmonian rakyat di negara ini," katanya kepada para pemberita di sini hari ini.

Menurut beliau, selain itu kerjasama tersebut termasuklah meneruskan projek-projek Kerajaan Pusat seperti jalan raya, sekolah dan prasarana untuk rakyat.

"Kerajaan Pusat perlu kerjasama kerajaan negeri untuk melaksanakan kemudahan ini kerana tanah adalah milik kerajaan negeri dan untuk melaksanakannya perlulah ada persetujuan dan kerjasama kedua-dua pihak," tegasnya.

Dr. Mahathir hari ini memberitahu bahawa Kerajaan Pusat sedia menjalinkan kerjasama dengan kerajaan Terengganu dan Kelantan pimpinan Pas

asalkan kerjasama itu bukan 'sebelah tangan'.

"Kita alu-alukan kerjasama dan sememangnya kita mahukan kerjasama tetapi ia mestilah dua hala dan bukan sebelah tangan..." katanya.

Dalam pada itu mengenai royalti pula Abdul Hadi berkata, Kerajaan Pusat seharusnya mengutamakan negeri yang berhampiran dengan sumber minyak terabit.

"Pemberian royalti ada perjanjiannya dan kita akan kaji secara terperinci sebelum kemukakannya kepada Kerajaan Pusat," tegasnya.

Menurut beliau, pemberian royalti adalah juga merupakan adat dan adab sebagai 'orang yang bernegara dan bermasyarakat'.